

# Syarikat asing cuba kuasai Proton

BH 19 JUL 2000

KUALA LUMPUR. Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan ada usaha syarikat automotif gergasi asing yang cuba menguasai 100 peratus ekuiti dalam Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton).

Perdana Menteri berkata, syarikat asing berkenaan mendakwa mereka lebih cekap serta mampu mengeluarkan kereta Proton dengan harga lebih murah dan jika Proton jatuh ke tangan mereka, ia akan memberi manfaat kepada rakyat Malaysia.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa usaha itu sebenarnya adalah perancangan negara asing yang mahu hanya lima syarikat automotif dari negara mereka, menguasai pasaran kereta dunia.

Berikutan itu, katanya, syarikat automotif lain yang kecil dan bersaing dengan mereka akan dimusnahkan oleh syarikat automotif gergasi berkenaan kerana gagal bersaing atau diserap ke dalam syarikat mereka.

---

**KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menjelaskan secara terperinci mengenai keganasan di Sauk, Perak, dalam Rancangan Khas Bersama Perdana Menteri yang akan disiarkan serentak menerusi semua rangkaian televisyen tempatan, termasuk Astro, pada jam 9 malam esok.**

Dalam program itu, Perdana Menteri akan menceritakan reaksi awal kerajaan apabila mendapati kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unab Malaysia (Al-Maunah) melarikan sejumlah besar senjata dari pos tentera dan Kern Batalion 304 Askar Wataniah di Grik, pada 2 Julai lalu.

Dr Mahathir juga akan mendedahkan perbuatan anggota kumpulan Al-Ma'unah serta mengulas punca dan kesan tindakan ganas itu dan menghuraikan beberapa langkah kerajaan bagi mengelak kejadian sama berulang.

Beliau juga akan menangkis dakwaan yang semakin hebat disebar pihak tertentu konon peristiwa keganasan itu adalah sandiwara kerajaan untuk mendapat kelebihan politik.

---

"Kita bimbang kalau mereka mengambil alih Proton, mereka akan menjadikan kilang kita itu sebagai kilang pemasangan kereta mereka, bukan kereta Proton atau kereta nasional.

"Kita sudah lihat bagaimana mereka memusnahkan syarikat yang bersaing dengan mereka supaya dapat menguasai pasaran dunia sepenuhnya," katanya sambil menambah bahawa kerajaan sentiasa berhati-hati dalam soal itu.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan tambahan Datuk Dr Fadzil Noor (Pas-Pendang) di Dewan Rakyat mengenai sama ada negara Asean lain bersetuju dengan

# Pastikan negara bebas tekanan IMF

DARI MUKA 1

BH 19 JUL 2000

cadangan Malaysia supaya pelaksanaan perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas Asean (Afta) membabitkan sektor automotif ditangguhkan dari 2003 ke 2005.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan mengambil langkah berhati-hati dengan memastikan negara terlebih dulu bebas daripada tekanan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) untuk membuka pasaran negara.

Sejak empat tahun lalu, beberapa syarikat automotif gergasi dari Amerika Syarikat, Eropah, Korea Selatan dan Jepun, menunjukkan minat sama ada untuk bekerjasama atau mengambil alih ekuiti Proton.

Syarikat berkenaan termasuk General Motors Corporation (GM) dan Ford Motor Company (Ford) dari Amerika Syarikat. GM berminat memegang ekuiti dalam Proton, manakala Ford ingin bekerjasama dalam pembangunan teknologi dan produk.

Mengenai cadangan Malaysia menangguhkan pelaksanaan Afta, beliau berkata, semua negara Asean bersetuju dengan cadangan itu kerana mereka sedar aliran globalisasi mungkin boleh memberi kesan buruk kepada semua negara anggota.

"Ketika kita menerima dan menandatangani perjanjian Afta, semua negara Asean tidak faham mengenai bahaya

yang bakal dihadapi dengan pembukaan dan penghapusan sempadan antara negara.

"Bagaimanapun, selepas penyangak mata wang menjatuhkan nilai mata wang di beberapa negara Asean, barulah mereka sedar globalisasi ini mungkin mempunyai akibat buruk kepada negara Asean," katanya.

Berikutan itu, Perdana Menteri berkata, apabila Malaysia mencadangkan supaya sektor automotif mengikut Afta ditangguhkan dari 2003 kepada 2005, semua anggota Asean terima tanpa sebarang bantahan.

Menjawab soalan Wan Nik Wan Yussof (Pas-Bachok), Dr Mahathir berkata, globalisasi tanpa had akan membuka Malaysia kepada penjajahan melalui ekonomi, yang akhirnya akan menguasai politik dan negara.

"Globalisasi membuka banyak peluang perdagangan tetapi ia harus dilaksanakan dengan mengambil kira nilai kemanusiaan, kemampuan negara membangun dan tanggungjawab sosial negara maju terhadap negara kurang maju," katanya ketika menjawab soalan mengenai ucapannya pada Sidang Kemuncak Perdagangan Asia-Eropah 2000.

Perdana Menteri berkata, melalui globalisasi juga seseorang dapat menjalankan urusan perniagaan tanpa dihadkan

kepada sempadan dan negara.

Malah, katanya, mengikut tafsiran negara maju, perdagangan akan dapat dijalankan sebebannya tanpa sebarang sekatan.

Menjawab soalan tambahan Datuk Dr Jamaludin Mohd Jarjis (BN-Rompin) yang ingin tahu usaha kerajaan membantu syarikat terbabit dalam ekonomi strategik, Dr Mahathir berkata:

"Memang ada pihak tertentu di luar negara tidak ingin melihat kejayaan kita berterusan dan mereka ini membuat bermacam-macam tuduhan seperti kronisme.

"Malangnya ada orang dalam negara kita menyambut tuduhan ini kerana kepentingan politik tertentu."

Perdana Menteri berkata, apa yang dilakukan oleh kerajaan adalah untuk mengimbangkan kedudukan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera, khususnya bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Jika kita tidak langsung ingin melihat Bumiputera berjaya, maka kerajaan tidak boleh beri kejayaan kepada sesiapa kerana sesiapa yang berjaya akan dianggap kroni kerajaan.

"Dengan itu gagallah DEB dan ini akan menggembirakan orang asing yang tidak senang hati dengan DEB yang menyekat peluang ekonomi mereka," katanya.